



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

SUHAIMI BIN YAACOB

USAHAWAN BATIK

OLEH:

MUHAMMAD ADRIEL DARWISH BIN ZAINUDEAN (2022745897)

NURUL AIN IZATI BINTI ADNAN (2022758249)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

SUHAIMI BIN YAACOB

PELUKIS BATIK

OLEH:

MUHAMMAD ADRIEL DARWISH BIN ZAINUDEAN (2022745897)

NURUL AIN IZATI BINTI ADNAN (2022758249)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugasan bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugasan ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada Encik Suhaimi Bin Yaacob kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi perjalanan beliau iaitu penggiat seni lukis batik sehingga sekarang. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat di luar sana.

Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugasan ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugasan ini.

Akhirnya, kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini. Sesungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip temu bual ini dilakukan oleh Pelajar UiTM Cawangan Kelantan iaitu Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean dan Nurul Ain Izati Binti Adnan bersama tokoh Seni Lukis Batik, iaitu Encik Suhaimi Bin Yaacob. Tujuan transkrip ini adalah untuk mengetahui tentang sejarah diri beliau, pendidikan, pengalaman dan cabaran kerjaya, sumbangan dan harapan beliau selama kariernya sebagai seorang pelukis batik. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau iaitu di Ketereh, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 6 Julai 2023 bermula pada jam 2:57 petang hingga 3:30 petang. Encik Suhaimi Bin Yaacob berpengalaman selama 35 tahun sebagai pelukis batik di Ketereh, Kelantan. Sejarah kehidupan beliau sedikit sebanyak dapat memberi sumber inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi muda yang berminat untuk berkecimpung dalam seni lukis batik. Penelitian ini menyimpulkan bahawa batik memiliki nilai estetika yang unik dan menjadi simbol budaya yang penting bagi masyarakat Malaysia. Kajian ini juga merungkap bahawa kemajuan teknologi dan perubahan gaya hidup telah mempengaruhi minat masyarakat terhadap seni tradisional. Oleh itu, pelestarian warisan budaya batik harus sentiasa dilestarikan supaya ianya tidak lapuk ditelan zaman dan seterusnya dapat memberikan kontribusi positif dalam meningkatkan ekonomi lokal, memajukan industri kreatif, serta memperkuat identitas budaya negara.

Kata kunci: tokoh, batik, sejarah, industri, seni

ABSTRACT

Abstract: This interview transcript was conducted by students from UiTM Kelantan Branch, namely Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean and Nurul Ain Izati Binti Adnan, together with the Batik Art figure, Mr. Suhaimi Bin Yaacob. The purpose of this transcript is to learn about his personal history, education, career experiences and challenges, contributions, and aspirations throughout his career as a batik artist. The interview took place at his residence in Ketereh, Kelantan on July 6, 2023, from 2:57 PM to 3:30 PM. Mr. Suhaimi Bin Yaacob has 35 years of experience as a batik artist in Ketereh, Kelantan. His life history can provide a source of inspiration for everyone, especially for the younger generation interested in pursuing a career in batik art. This research concludes that batik holds a unique aesthetic value and serves as an important cultural symbol for Malaysian society. The study also reveals that technological advancements and lifestyle changes have influenced the public's interest in traditional art forms. Therefore, the preservation of batik cultural heritage must be continually upheld to prevent it from fading away with time, and to enable it to make a positive contribution in enhancing the local economy, advancing the creative industry, and strengthening the cultural identity of the nation.

Keywords: figure, batik, history, industry, art

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

Penghargaan	i
Abstrak	ii-iii
Isi Kandungan	iv
Biodata Penemubual dan Tokoh.....	v-vii
Pengenalan.....	viii

Transkrip

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1-3
Bahagian B: Sejarah Pendidikan.....	4-5
Bahagian C: Sejarah/ Pengalaman.....	6-8
Bahagian D: Pengalaman Kerjaya.....	8-16
Bahagian E: Sumbangan.....	16-18
Bahagian F: Harapan dan Nasihat.....	18-21

Lampiran

Log Wawancara.....	23-25
Diari kajian.....	26-29
Senarai Soalan.....	31-37
Surat Perjanjian.....	39
Gambar.....	41-43
Indeks.....	45

BIODATA

PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL



Nama: Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean

Tarikh Lahir: Julai 2001

Tempat Lahir: Kota Bharu, Kelantan

Nombor Telefon:

Program: Pengajian Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat

BIODATA PENEMU BUAL



Nama: Nurul Ain Izati Binti Adnan

Tarikh Lahir:


Tempat Lahir: Hospital Kajang, Selangor

Nombor Telefon:

Program: Pengajian Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama: Encik Suhaimi Bin Yaacob

Umur: 56 tahun

Tarikh Lahir:

Tempat Tinggal: Ketereh, Kelantan

Kampung Asal: Kg Sireh

No. Telefon:

Bidang: Pelukis Batik

Alamat: Kota Bharu, Kelantan

PENGENALAN

PENGENALAN

Tokoh batik di Kelantan diawali dengan membahas tokoh yang memiliki pengaruh besar dalam mempertahankan tradisi batik di sebuah kampung. Salah satu tokoh yang patut disebut adalah Encik Suhaimi Bin Yaacob atau lebih dikenali sebagai Emy Batik, seorang pengusaha batik yang tinggal dan beroperasi di Kampung Tok Lebir, Ketereh, Kelantan.

Emy Batik adalah seorang tokoh yang penuh dedikasi dalam melestarikan seni batik tradisional di kampung tersebut. Dalam kesehariannya, beliau menggunakan keterampilan dan pengetahuannya untuk menciptakan batik yang indah dan seni yang bernilai tinggi. Emy Batik telah mempelajari teknik batik secara turun temurun dan menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan utama.

Kampung tempat tinggal beliau juga memiliki sejarah panjang dalam seni batik. Tambahan lagi, di tempat tinggal beliau batik-batik tradisional diperoleh, baik dari proses mencanting, pewarnaan hingga penggambaran motif-motif khas. Emy Batik, sebagai tokoh yang dihormati di kampung tersebut, telah menjadi penjaga dan pemelihara warisan budaya batik di kampung tersebut.

Selain berperanan sebagai pengusaha batik, Emy Batik juga menjadi inspirasi bagi penduduk sekitar dan generasi muda di kampung tersebut. Namun, pada suatu ketika dahulu beliau aktif mengajar teknik batik kepada anak-anak remaja setempat, memastikan bahawa tradisi batik tetap hidup dan berkembang di masa depan.

Melalui dedikasinya dalam mempertahankan seni batik tradisional, Emy Batik telah menjadi tokoh yang dihormati dan diakui oleh masyarakat kampung dan sekitarnya. Karya-karyanya yang menggambarkan keindahan alam dan budaya setempat tidak hanya memancarkan keunikan batik kampung tersebut, tetapi juga menjadi sumber kebanggaan dan identitas bagi masyarakat setempat. Harapan beliau kepada pengusaha batik di masa akan datang adalah agar industri batik terus berkembang dan menjadi sumber pendapatan yang berkelanjutan. Diharapkan bahawa pengusaha batik dapat mempertahankan keaslian dan kualitas batik Malaysia, sambil terus mengembangkan desain dan inovasi baru untuk tetap relevan di era moden.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pelukis batik. Bersama-sama kami ialah Encik Suhaimi Bin Yaacob yang merupakan pelukis batik. Rakaman ini dijalankan pada 6 Julai 2023 secara bersemuka di rumah beliau, iaitu di Ketereh, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean dan Nurul Ain Izati Binti Adnan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PETUNJUK	
SY	Suhaimi Yaacob
NAI	Nurul Ain Izati Binti Adnan

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

NAI : Pertama sekali bolehkah encik beritahu serba sedikit tentang latar belakang dimulakan dengan nama penuh encik?

SY : Nama pokcik [pakcik] nya [pula] Suhaimi Bin Yaacob.

NAI : *Okay (baiklah).* Adakah encik mempunyai nama panggilan lain?

SY : Nama panggilan lain pokcik [pakcik] nya [pula] ore [orang] panggil Emy Batik, Emy Apek pun ore [orang] panggil.

NAI : *Okay,* boleh kami tahu bilakah tarikh lahir encik?

SY : Tarikh lahir pokcik [pakcik] nya empat haribulan lima tahun enam puluh tujuh [4 Mei 1967].

NAI : Encik berasal dari mana?

SY : Berasal daripada Kota Bharu, Kampung Sireh Kota Bharu.

NAI : **Sekarang encik menetap di mana?**

SY : Sekarang menetap di Tok Lebir, Ketereh.

NAI : **Berapakah umur encik sekarang?**

SY : Lima puluh enam [56] tahun.

NAI : **Beralih ke soalan seterusnya, kami ingin mengetahui serba sedikit tentang latar belakang seperti nama ibu dan ayah encik?**

SY : Nama ibu Rokiah Binti Awang Long. Bapa pula Yaacob Bin Ali.

NAI : **Encik mempunyai berapa bilangan adik-beradik dan encik anak yang ke berapa?**

SY : Adik-beradik pokcik [pakcik] ada dale [dalam] sepuluh [10] ore [orang] semo [semua], jadinya pokcik [pakcik] anok [anak] yang kelimo [5].

NAI : ***Okay (baiklah). Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang keluarga encik? Maksud saya isteri dan anak-anak encik? Siapakah nama isteri encik?***

SY : Nama isteri [pula] nya Siti Eshah Binti Abdullah

NAI : **Apakah pekerjaan isteri encik?**

SY : Dia sebagai suri rumah - sahaja, tak bekerja.

NAI : Encik mempunyai berapa orang cahaya mata?

SY : Cahaya mata semuanya dua [2] orang, sepasang lah.

NAI : Bagaimanakah encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

SY : Boleh membahagi maso [masa] bersama, macei [macam] ore [orang] kato [kata] seimbang lah, ambik [ambil] maso [masa] caro dia [fokus batik] ngan [dengan] keluarga samo [sama] lah, buleh [boleh] lah.

NAI : Apakah aktiviti yang encik gemar lakukan pada waktu lapang?

SY : Kalu [Kalau] mengikut umur lamo [lama] dulu [dahulu] nya, minat bola sepak, selain tu mungkin --- berlari, berjogging lah, maso [ketika] duduk di Kampung Sireh dulu [dahulu].

NAI : Siapakah idola bagi encik?

SY : Kalu Idola bahagie [bahagian] sukei [sukan] gak [kan], tula [itu la] Maradona, Pelé kalu sukei [sukan] lah, kalu [kalau] politik ni [ini] macei [macam] Tok Guru Nik Aziz, Tuan Guru.

NAI : Apakah cita-cita encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?

SY : Kecik-kecik [Kecil-kecil] dulu [dahulu] raso [rasa] takdok [tiada] cita-cita, tok [tak] terpikir [terfikir] lagi maso [ketika] tu [itu], kiro [kira] bowok [bawa] diri lah, jadi tu jadi lah.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

NAI : Baiklah encik. Kita beralih ke sejarah pendidikan iaitu beralih ke soalan yang seterusnya mengenai tentang sejarah pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi encik. Boleh kami tahu dimanakah encik bersekolah menengah?

SY : Sekolah menengah Putra, Kota Bharu.

NAI : Pada tahun berapakah encik bersekolah menengah?

SY : Sekolah menengah daripada tahun lapan puluh ['80] sehingga lapan puluh empat ['84].

NAI : Dalam bidang akademik, apakah subjek yang paling digemari ketika di sekolah menengah?

SY : Subjek digemari Sejarah lah, tapi ngaji [belajar] dale [dalam] bide [bidang] sastera.

NAI : Bagaimana pula dengan subjek yang encik tidak gemari?

SY : Matematik.

NAI : Apakah pencapaian tertinggi dan terbaik pernah encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?

SY : Kokurikulum tu raso [rasa], peringkat biaso [biasa] lah kalu [kalau] bola gak [kan] wokil [wakil] kelas lah, akademik tu takdok [tiada].

NAI : Semasa zaman persekolahan, adakah encik aktif bersukan dan berpesatuan?

SY : Persatuan bola sepak.

NAI : Apakah pengalaman manis sepanjang persekolahan?

SY : Sukei [sukan] lah lebih tepat.

NAI : Apakah pengalaman atau memori yang pahit encik tidak dapat dilupakan ketika di alam persekolahan?

SY : Memori hok [yang] tokleh [tak boleh] lupo [lupa], maso [ketika] keno [kena] macei [macam] kita tok [tak] g [pergi] sekolah [sekolah] kei [kan], keno [kena] lah disiplin, macei [macam] keliling padei [padang] dale [dalam] dua [2] tiga [3] round [pusingan] ko [ke], sekolah [sekolah] kompleks kei [kan], keno [kena] dendo [denda] ko [oleh] cikgu lah.

NAI : Pada zaman persekolahan mesti ada encik mempunyai teman rapat, adakah sampai sekarang encik masih rapat dengan beliau?

SY : Takdok [tiada] lah. Sekadar hok [yang] biasa tu [itu] ada lah.

NAI : Adakah encik menyambung ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?

SY : - Takdok [Tiada]. Tok [Tak] sambung.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN C: SEJARAH/ PENGALAMAN

NAI : Apakah batik menurut pandangan encik?

SY : Batik ni maso [ketika] --- dulu [dahulu] tu [itu] dia sumber utamo [utama] lah kalu [kalau] kiro [kira] masotu [ketika itu], tapi loni [sekarang] kiro [kira] dale [dalam] keadae [keadaan] apo [apa] ni [ini], ore [orang] panggil [cakap] sekadar wak [buat] kijo [kerja] untuk apa ni [ini] ---, untuk mewarisi ko [dekat] anak-anok [anak-anak] lah seksok [pada masa hadapan], tu lah kalu [kalau] buleh [boleh].

NAI : Dari manakah asalnya batik ini?

SY : Batik ni [ini] dia asal daripada Terengganu nge [dengan] kelate [Kelantan] lah, batik Malaysia lah. Kalu [Kalau] batik Indo [Indonesia] ni [ini], meme [memang] Indo [Indonesia] lah.

NAI : Bagaimanakah batik ini mula diterima secara meluas di Malaysia ini? – mengikut tahun

SY : Ia daripada tahun tujuh puluh an [70-an] lagi sampai ke harini [hari ini].

NAI : Berapakah jenis batik yang terdapat di Malaysia ini dan berapakah jumlah setakat yang encik ketahui?

SY : Jumlah hok [yang] tahu, batik cop, batik *string*, - batik lukis, digital.

NAI : **Apakah perbezaan batik Malaysia dengan batik negara lain?**

SY : Perbezae [Perbezaan] dia dari segi teknik lah, lilin macei [macam] lilin dia tok [tak] samo [sama] nge [dengan] kito [kita], canting dio [dia] pun lain, - tula [itu lah] bezo [beza] dia, tapi teknik pembuatan dio [dia] tu samo [sama], lebih kure [kurang].

NAI : **Adakah batik ini dihasilkan sendiri atau mengikut citarasa pengguna?**

SY : Dihasilkan sendiri.

NAI : **Apakah ilmu yang perlu ada dalam menghasilkan batik?**

SY : Dia perlu pengalame [pengalaman] lah, --- pengalame [pengalaman] mulo-mulo [mula-mula] kito [kita] kijo [bekerja] nge [dengan] ore [orang] lain dulu [dahulu] lah, ---, dia bermula pada [pada] minat lah.

NAI : **Boleh saya tahu bilakah encik menceburkan diri dalam seni batik ini?**

SY : Tahun lapan puluh lapan [’88].

NAI : **Siapakah yang memperkenalkan seni batik kepada encik?**

SY : Syed Ali Batik.

NAI : **Adakah ketika itu encik mempunyai persaingan dalam batik?**

SY : Hom meme [Ye, memang], persainge [persaingan] lah maso [ketika] tu [itu], masotu [ketika itu] meme [memang] persainge [persaingan] daripada Teguru [Terengganu], daripada Selangor, daripada --- Terengganu nge [dengan] Selangor lah banyak [banyak] persainge [persaingan] dari luar pun.

NAI : Adakah peralatan yang digunakan bagi proses batik mudah didapati dimana-mana?

SY : Hom [Ye], mudah didapati.

NAI : Bagaimana pula dengan kos perbelanjaan encik mengikut kesesuaian bahan bagi batik?

SY : Kos tu [itu] tkleh [tak boleh] nok [nak] agok [agak] sebab ambik [ambil] upah kei [kan]

NAI : Apakah perkembangan batik yang encik boleh ceritakan bermula dari awal penglibatan dalam bidang ini sehingga sekarang?

SY : Pada asalnya [asalnya] kure [kurang] berminat sebab – lepastu [lepas itu] bila mula takdok [tiada] kijo [kerja] mana kei [kan], mulalah nge [dengan] batik, lepas situ lah timbul minatnya, daripada minat dio [dia] jadi kijo [kerja] tetap.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

NAI : Apakah kerjaya yang dilakukan selepas encik tamat belajar?

SY : --- Batik lah, takdok [tiada] kursus mana-mana.

NAI : Bagaimana encik boleh melibatkan diri dengan pekerjaan tersebut?

SY : Mengikut sain-sain [kawan-kawan] lah, kawan-kawan, ajakkan sain [kawan].

NAI : Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu?

SY : --- Sebab masotu [ketika itu] dio [dia] kijo [kerja] kurei [kurang] kei [kan], dia batik lah menjadi sumber utama, jadi pakat [ramai] kijo [kerja] lah, pakat [ramai] berebut kijo [kerja].

NAI : Apakah kejayaan yang telah dicapai sepanjang encik bekerja?

SY : Boleh lah bukok [buka] sendiri dale [dalam] maso [masa] tiga [3] tahun atau empat [4] tahun, - buat produk, bukok [buka] batik sendiri, daripada tahun lapan puluh an [80-an] lah.

NAI : Apakah pengalaman manis semasa bekerja?

SY : Kito [Kita] puah [puas] hati nge [dengan] kijo [kerja] kito [kita].

NAI : Sebelum membuat keputusan untuk bergiat dalam dunia pembuatan batik, kerja apa yang encik buat?

SY : Sebelum pembuatan batik, sementara tu [itu] kaltunis lah, kaltunis amatur, pelukis, untuk komik, majalah, majalah macei [macam] *humor*.

NAI : Sudah berapa lamakah encik bergiat aktif dalam seni batik? – berapa tahun

SY : Lapan puluh lapan ['88] sapa [sampai] loni [sekarang], sehingga harini [hari ini].

NAI : Dimanakah encik belajar seni lukis batik?

SY : Belajar di Kampung Sireh, bengkel Kampung Sireh.

NAI : **Kenapa encik tergerak hati mahu belajar menghasilkan batik?**

SY : Sebab dia pekerja [pekerjaan] lah, minat sendiri lah mudoh [mudah].

NAI : **Dengan siapakah encik mula-mula belajar menghasilkan batik?**

SY : Tu lah nge [dengan] Syed Ali.

NAI : **Apa yang encik pelajari dahulu sewaktu menuntut ilmu dengan guru encik?**

SY : Yang dipelajari teknik melilin lah, mencanting hoktu [yang itu] dia ajar.

NAI : **Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk encik betul-betul mahir dalam penghasilan batik?**

SY : Masa yang diperlukan untuk canting sajo [sahaja] dale [dalam] dua [2] minggu, betul-betul memahirkan pulok [pula] mungkin dale [dalam] dua [2] hingga tiga [3] tahun, make [makan] maso [masa] dua [2] tiga [3] tahun.

NAI : **Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam seni lukis batik?**

SY : Tahun sembilan belas lapan puluh lapan [1988] mula bergiat aktif.

NAI : **Boleh kami tahu, siapa yang memberi sokongan yang penuh kepada encik dalam menceburi bidang batik ini?**

SY : Dio [Dia] ni [ini] atah [atas] diri sendiri, takdok [tiada] sapo [siapa] hk [yang] bui [bagi] sokonge [sokongan].

NAI : **Bagaimana encik menguruskan masa kerjaya awal, dalam masa yang sama mempelajari ilmu batik?**

SY : --- Sebagai pelukis tu [itu] tinggal terus, tumpu ko [dekat] batik, - tinggal

NAI : **Adakah anak-anak encik menceburi bidang batik ini?**

SY : Takdok sore habuk [Tiada seorang pun]. Sore [Seorang] pun takdok [tidak] berminat.

NAI : **Adakah encik rasa puas dengan apa yang encik lakukan sekarang ini?**

SY : - Puah [Puas] hati tu [itu] dok [tak], tapi boleh lah, puah [puas] hati tu [itu] dok [tak] mana [sangat], cuma boleh lah sekadar nok [nak] wak [buat] kijo [kerja], tok [tak] pernah puah [puas] hati goni [benda] lukis ni [benda], kito [kita] nok [nak] bia [biar] bendo [benda] tu [itu] sokmo [selalu] napok [nampak] baru baru baru sokmo [selalu], dia tok [tak] pernah puah [puas] hati.

NAI : **Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang seni pembuatan batik iaitu bagaimana proses pembuatan batik bermula?**

SY : Kita bermula pada canting lilin atas sebide [sebidang] kain putih kei [kan], pastu [selepas itu] kena mewarna pastu [selepas itu] kena ada mematikei [mematikan] dengan *silicate*, bahan kimia dio [dia] *silicate* pahtu [selepas itu] guna rebus, jemur siap.

NAI : **Apakah peralatan penting yang digunakan dalam proses pembuatan batik?**

SY : Canting, pewarna.

NAI : **Pada pandangan encik, apa yang menentukan batik yang telah siap itu berkualiti tinggi? Adakah bahan sahaja?**

SY : Dia pada [pada] corak ngan [dengan] kain lah, berkualiti tinggi biasanya corak.

NAI : **Adakah proses membuat batik itu sangat merumitkan?**

SY : Ye, bagi tok [tak] biasa dia rumit, bagi yang lama tu [itu], mungkin biasa lah.

NAI : **Adakah encik ada pembantu yang menolong encik semasa proses penghasilan batik?**

SY : Hom [Ye] ada lah, isteri ---.

NAI : **Bagi encik, apakah jenis batik yang paling encik gemari?**

SY : Paling digemari batik bentuk abstrak ngan [dengan] floral, abstrak nge [dengan] bungo [bunga].

NAI : **Corak batik apa yang encik paling gemari?**

SY : Motif dia abstrak nge [dengan] bungo [bunga] hok [yang] paling sesuai.

NAI : **Bagaimanakah encik tentukan motif apa yang sesuai untuk dibuat atas kain batik?**

SY : Minat citarasa pengguna lah, ikut kehendak pengguna lah.

NAI : Adakah proses untuk menghasilkan corak atas kain batik itu senang?

SY : Bagi ore [orang] lama tu [itu] meme [memang] mudah senei [senang] lah, bagi ore [orang] baru tu [itu] mungkin pengalaman baru lah bagi dio [dia] tu [itu] mungkin payoh [susah] sikit.

NAI : Bagaimana pula dengan tempoh masa untuk menyiapkan batik tersebut? Adakah masa yang diambil itu lama?

SY : -- Mungkin, sebab dio [dia] ada ambik [ambil] maso [masa] duo [2] jam, ado [ada] ambik [ambil] maso [masa] sari [sehari] untuk sehelai.

NAI : Berapa banyak permintaan yang encik sudah siapkan?

SY : Allah banyak dah tokleh [tak boleh] nok [nak] ryk [cakap], dari dulu [dahulu] sapa [sampai] loni [sekarang], tok [tak] boleh nok [nak] jangka meme [memang] terlalu banyak [banyak] lah, lebih seribu [1000], dua [2] tiga [3] ribu tok [tak] tahu, mungkin lebih dua [2] tiga [3] ribu sebab tahun tu [itu] lagi kei [kan].

NAI : Berapa banyak encik caj untuk setiap pembuatan batik?

SY : Caj mengikut kehendak pelangge [pelanggan] lah, kalu [kalau] macei [macam] *simple* ringkas murah sikit, kos dia mungkin dale [dalam] tiga puluh [30] empat puluh [40] seratus [100], caj dio [dia].

NAI : Adakah encik mempunyai pelanggan atau pembeli tetap untuk batik ini?

SY : Pelanggan tetap tu [itu] tidak [tidak] jugok [juga], dia panggil gapo [siapa] doh [dah] macei [macam] tauke lah, dio [ada] ada doh [dah], ada pemberong doh [dah] la hok [yang] buat upoh [upah].

NAI : **Kebiasaananya, kemanakah encik akan menghantar kain batik yang telah siap dilukis?**

SY : Hantar ke kedai-kedai lah.

NAI : **Berapakah harga batik di pasaran sekarang?**

SY : Harga pasare [pasaran] loni [sekarang] kalu [kalau] mengikut kain *crepe* dale [dalam] dua ratus lapan puluh [280] lebih, kalu [kalau] kain *Jacob macei* [macam] *Jacob Rayon* tu [itu] mungkin dale [dalam] seratus [100] ke bowoh [bawah].

NAI : **Apakah hasil kraftangan batik yang encik paling bangga?**

SY : Paling bangga kain *crepe* lah, buat batik sutera lah.

NAI : **Bagaimana pula dengan pengalaman manis? Pernahkah encik menghasilkan batik untuk dipersembahkan kepada kerabat diraja atau tokoh lain?**

SY : Pernah tu [itu] tidak [tidak] jugok [juga] tapi kalu [kalau] VIP paka [pakai] tu [itu] ado [ada] lah. Takdok [Tiada] lah persembahei [persembahan] tu [itu].

NAI : **Sepanjang menghasilkan batik, apakah cabaran yang encik hadapi sepanjang masa?**

SY : Dari segi cuaca, dari segi *mood, mood* kita lah, dio [dia] tengok atah [atas] *mood*, cuaca tu [itu] meme [memang] lah nombor satu doh [dah] cuaca tu [itu].

NAI : Adakah encik mempunyai anak murid yang akan mewarisi seni pembuatan batik daripada encik?

SY : Dulu [Dahulu] ada, maso [pada] tahun sembilan puluh an [90-an] tu [itu] ado [ada], ado [ada] dale [dalam] dekat sepuluh [10] ore [orang], tapi maso [masa] loni [sekarang] pecoh [berpecah] habih [habis] doh [dah] tok [tak] tahu mana.

NAI : Sepanjang encik menghasilkan batik ini, apa yang membuatkan encik bersemangat untuk meneruskan dalam bidang ini?

SY : Tok [Tak] tahu lah semangat ke dok [tak] loni [sekarang]. Tok [Tak] tahu lah sebab bendo [benda] tu [itu] dah jadi kerjaya takleh [tak boleh] nok [nak] royak [cakap], semangat ke dok [tak] sebab meme [memang] kerjaya doh [dah], sumber duit sumber pendapate [pendapatan].

NAI : Setelah encik menceburi bidang ini, adakah encik pernah terfikir hendak beralih bidang ke bidang yang lain?

SY : Tok [Tak] pernah.

NAI : Andai kata encik bukan seorang penggiat seni kraftangan batik, apa yang encik akan lakukan sekarang?

SY : --- Tokleh [Tak boleh] nok [nak] royak [cakap], nak jadi pemain bola sepak gano nyo [macam mana nya], tuo [tua] doh [dah]. Takleh [Tak boleh] nok [nak] royak [cakap]. Takleh [Tak boleh] nok [nak] agok [agak].

NAI : Sepanjang bergiat aktif dalam pembuatan batik, ada tak penyesalan yang encik rasa?

SY : Ada, bila produk kito [kita] tidak [tidak] menjadi, hasil kijo [kerja] kito [kita] tu [itu] tidak [tidak] jadi lah, situ tok [tak] puah [puas] hati.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN E: SUMBANGAN

NAI : Apakah sumbangan paling terbaik yang paling diingati encik sendiri?

SY : Sumbange [Sumbangan] puah [puas] hati lah, setiap produk hok [yang] kito [kita] buat tu [itu], kito [kita] panggil ore [orang] kure [kurang] complain lah, tu [itu] je la.

NAI : Apakah sumbangan encik pada masyarakat?

SY : Hasil batik lah, hok [yang] mana pemakai batik, baju kurung, baju kemeja, kemeja batik, *chiffon*, kaftan.

NAI : Pada pendapat encik, apakah pandangan masyarakat sekarang mengenai batik? Encik rasa masyarakat sekarang masih ingin tahu tentang batik atau pun sudah tidak berminat?

SY : Tok [Tak] tahu lah. Pandangan masyarakat loni [sekarang] dio [dia] kurei [kurang] lah, dio [dia] tempat-tempat tertentu, hok [yang] ada jawate [jawatan] je lah guna. *Demo* [Orang] pakai untuk hari perayaan, tu [itu] je lah tidak [tidak] jadi pakaie [pakaian] rasmi lah.

NAI : Encik mempunyai minat dalam batik, pernahkah encik menyertai apa-apa pertandingan dalam menghasilkan batik?

SY : Pernah tapi melalui orang lain.

NAI : Sepanjang menceburi bidang batik ini, apakah pencapaian atau anugerah yang diperolehi oleh encik?

SY : Takdok [Tiada].

NAI : Berapakah anugerah yang pernah diterima oleh encik?

SY : Takdok [Tiada].

NAI : Apakah sumbangan yang telah encik berikan kepada industri warisan terutamanya dalam batik?

SY : Melalui kraftange [kraftangan] Kelate [Kelantan] tu [itu] ada lah tahun berapa eh, tahun dua ribu [2000] tak silap.

NAI : Adakah encik mempunyai sumbangan lain dengan menurunkan ilmu kepada beberapa orang yang meminati dalam batik?

SY : Takde [Tiada].

NAI : Pada pandangan encik, adakah masyarakat sekarang kurang menghargai seni batik?

SY : Generasi muda lah hok [yang] kure [kurang] menghargai sebab dia tidak [tidak] tahu teknik tu [itu] kei [kan], dia hanya ni sek-sek [golongan] tua, ore-ore [orang-orang] lama, menghargai batik.

NAI : Apakah cabaran yang paling terbesar dalam bidang ini dan bagaimana encik mengatasi segala cabaran tersebut?

SY : --- Ikon mood kalu [kalau] cabare [cabaran] pembuatan tu [itu] meme [memang] lah dia ikon mood doh [dah] loni [sekarang].

NAI : Adakah pencapaian yang encik nyatakan tadi telah mengubah hidup encik sebagai seorang pengusaha batik?

SY : Takdok [Tiada] pencapaian, biaso [biasa] je. Sekadar kerjaya, sekadar boleh make [makan], cukup make [makan].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT

Sekarang kita sudah sampai ke penghujung temu bual kita pada hari ini. Terima kasih encik atas kesudian encik meluangkan masa bersama kami. Sebelum kita mengakhiri masa kita bersama, saya ada beberapa soalan terakhir sekiranya encik masih lagi sudi menjawab.

NAI : Sebagai pelukis batik, apakah nasihat yang encik boleh berikan tentang seni batik yang semakin ditelan zaman?

SY : Nasihat tu kalu [kalau] boleh anak-anak muda yang mana ada minat hasil kraf ni [ini], cubalah belajar, sebab benda ni [ini] warise [warisan], turun temurun, kalu [kalau] boleh generasi akan datang kembang lah, tokse [taknak] bui [bagi] luput [hilang].

NAI : Apakah harapan terbaik encik terhadap generasi muda mengenai seni batik ini?

SY : Budok-budok [Budak-budak] tok [tak] minat doh [dah], nok [nak] royak [cakap] takleh [tak boleh].

NAI : **Bagaimana keadaan encik pada waktu-waktu pandemik? Adakah encik masih dapat berkarya?**

SY : Tak boleh. Waktu pandemik meme [memang] takleh [tak boleh], takleh [tak boleh] terus.

NAI : **Pada pendapat encik, adakah seni ini akan hilang begitu sahaja tanpa pewaris muda?**

SY : Mungkin. Kalu takdok [tiada] pewaris muda meme [memang] lah, mungkin akei [akan] hile [hilang]. Sebab ore [orang] muda kebanyakkei [kebanyakkan] tok [tak] minat, kure [kurang] minat doh [dah].

NAI : **Apakah pesanan encik kepada generasi muda sekarang?**

SY : Kita perlu tunjuk ni [ini] lah, macei [macam] kito [kita] buat demonstrasi di mana-mana, tempat-tempat ekspo ko [ke] buat demonstrasi di kawase [kawasan] kraf ko, bia [biar] ado [ada] lah tempat-tempat gitu [macam itu].

NAI : **Beberapa nasihat daripada encik kepada yang baru berminat untuk berkecimpung dalam bidang ini?**

SY : Dio [Dia] kena ada minat --- kecuali keluarga dia macei [macam] keturunan dio [dia] mari [datang] daripada batik, mungkin dio [dia] ada tumpuan walaupun dia tak minat.

NAI : **Apakah harapan yang encik belum tercapai?**

SY : Harapan belum tercapainya membuka kedai sendiri lah, beso [selalu] wak [buat] penghantaran ke Kuala Lumpur.

NAI : **Apakah kenangan manis encik dalam batik ini yang encik akan ingat sampai bila-bila ketika menghasilkan batik?**

SY : Kenange [Kenangan] manis nya bekas PM [Perdana Menteri] pernah pakai, Tun Ahmad Badawi. Dio [Dia] pernah pakai sekali, tengok dia pakai.

NAI : **Apakah encik sendiri lebih gemar memakai kain batik sarung atau kain pelekat untuk pakaian harian?**

SY : Pakai kain pelekat. Bunyi [Cakap] wak [buat] batik tapi tok [tak] rajin [pernah] pakai batik sampai ko [ke] harini [hari ini].

NAI : **Berdasarkan pandangan encik kepada generasi sekarang, encik rasa adakah batik ini akan kekal relevan dalam masyarakat dalam masa sepuluh tahun yang akan datang?**

SY : InsyaAllah kekal lah kalu [kalau] kito [kita] buat macei [macam] buat pameran sokmo [selalu], meme [memang] akan kekal lah, tapi atah [atas] minat ore [orang] muda lah, ore [orang] mudo [muda] suko [suka] meme [memang] jadi lah.

NAI : **Apakah harapan encik terhadap kerajaan Malaysia dalam membantu pengusaha-pengusaha batik untuk lebih berkembang atau pun lebih dikenali di Malaysia?**

SY : Harape [Harapan] macei [macam] kerajae [kerajaan] memperkenal kei [kan] lah, memperkenal kei [kan] industri kraftange [kraftangan] ni [ini]. Kraftange [Kraftangan] batik Malaysia ko [ke] ikut lah, kraftange [kraftangan] apo [apa] pun, biar berkembang lah kedepoi [kedepan] contoh macei [macam] PM

[Perdana Menteri] dulu [dahulu] lah hok [yang] buat nya, macei [macam] Abdullah Ahmad Badawi buat dulu [dahulu], macam tu [itu] lah.

NAI : Apakah perancangan encik pada masa depan dalam usaha mengembangkan industri batik dengan lebih pesat?

SY : Tak terfikir dengan tahap kito [kita] meme [memang] tak terfikir, kecuali demo ni --- .

PENUTUP

Dengan ini berakhir sudah temu bual kita bersama pelukis batik iaitu Encik Suhaimi Bin Yaacob pada hari ini. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada encik atas keluangan masa yang encik sudi berikan kepada kami dalam menyempurnakan wawancara ini. Diharapkan perkongsian encik tentang seni batik dapat memberikan manfaat yang sememangnya bermakna kepada masyarakat kita, terutamanya kepada generasi muda pada masa kini. Sekian, terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN 6

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad Adriel Darwish dan Nurul Ain Izati telah menemubual Encik Suhaimi Bin Yaacob yang dilahirkan pada 4 Mei 1967. Temubual dijalankan di rumah beliau iaitu di Kampung Tok Lebir, Ketereh, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelukis batik.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/PENERANGAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0:00	Sesi pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> - Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean - Nurul Ain Izati Binti Adnan - Encik Suhaimi Bin Yaacob
0:36	Tarikh lahir tokoh dan umur	<ul style="list-style-type: none"> - 56 Tahun
0:44	Mengenai tempat tinggal	<ul style="list-style-type: none"> - Berasal daripada Kota Bharu, Kampung Sireh Kota Bharu. - Sekarang menetap di Tok Lebir, Ketereh
1:10	Nama ibu, ayah dan bilangan adik-beradik tokoh	
1:42	Mengenai isteri dan anak-anak	<ul style="list-style-type: none"> - (Isteri) - Mempunyai dua orang cahaya mata

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN		
4:04	Latar belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Sekolah Menengah Putra, Kota Bharu - Tahun 1980 – 1984
4:25	Subjek yang digemari dan tidak digemari	<ul style="list-style-type: none"> - Sejarah - Matematik
BAHAGIAN 3: SEJARAH/ PENGALAMAN		
6:21	Menceritakan tentang batik	<ul style="list-style-type: none"> - Sumber utama pendapatan - Diterima secara meluas pada tahun 1970 an
7:20	Menceritakan tentang jenis batik	<ul style="list-style-type: none"> - Batik cop, batik string, batik lukis, batik digital
8:33	Menceritakan tentang pengalaman dalam menceburkan diri dalam batik	<ul style="list-style-type: none"> - Mula menceburkan diri pada tahun 1988 - Syed Ali yang memperkenalkan seni batik - Bermula dari minat

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA		
14:49	Menceritakan tentang proses pembuatan batik	<ul style="list-style-type: none"> - Canting, mewarna, mematikan, rebus dan jemur

16:11	Jenis corak batik yang paling digemari	<ul style="list-style-type: none"> - Abstrak dan floral
18:12	Harga batik sekarang	<ul style="list-style-type: none"> - Kain crepe RM280 - Kain Jacob Rayon RM100 kebawah
BAHAGIAN 5: SUMBANGAN		
23:58	Cabaran yang paling terbesar dalam batik	<ul style="list-style-type: none"> - Mengikut <i>mood</i> sebelum memulakan batik
BAHAGIAN 6: HARAPAN DAN NASIHAT		
26:40	Pesan kepada generasi muda	<ul style="list-style-type: none"> - Perlu membuat demonstrasi di kawasan kraf
29:18	Harapan terhadap kerajaan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan hendaklah memperkenalkan industri kraftangan kepada orang ramai

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9:00 pagi	26 Mac 2023	Memilih subjek dan tokoh yang sesuai untuk ditemu ramah.	Menyenarai pendek tokoh yang dipilih.
9:00 pagi	28 Mac 2023	Membuat keputusan untuk menukar tokoh kerana tokoh yang dipilih telah dipilih oleh senior kami sebelumnya.	Mencari tokoh lain.
10:00 pagi	5 April 2023	Memilih Encik Suhaimi Bin Yaacob sebagai tokoh baru.	Mendapatkan nombor telefon beliau.
2:00 petang	13 April 2023	Berhubung menerusi aplikasi WhatsApp untuk bertanya kesudian untuk ditemu ramah.	Menunggu jawapan.
10:00 pagi	18 Mei 2023	Mendapat kebenaran dari pihak tokoh untuk ditemu ramah.	Merujuk kepada pensyarah untuk, memaklumkan bahawa tokoh kami sudah sedia untuk di temu bual.
9:00 pagi	19 Mei 2023	Mencari maklumat mengenai beliau dan juga batik.	Menyiapkan <i>proposal</i> dengan menggunakan sedikit maklumat yang diperolehi daripada tokoh.

2:00 petang	26 Mei 2023	Menyediakan soalan-soalan temubual.	Satu set soalan temu bual dirangka berdasarkan kategori yang ditetapkan. Soalan dihantar kepada pensyarah bagi mendapatkan kelulusan.
10:00 pagi	12 Jun 2023	Soalan telah dikemaskini.	Soalan temu bual telah dikemaskini dan ditambah baik setelah dirujuk kepada pensyarah dan telah mendapat kelulusan untuk mengadakan sesi temu bual bersama tokoh.
2:00 petang	19 Jun 2023	Perbincangan tentang tarikh dan masa bagi sesi temu bual.	Menghubungi tokoh melalui aplikasi Whatsapp bagi mencadangkan tarikh dan masa yang sesuai untuk sesi temu ramah. Tarikh dan masa telah diputuskan dan dipersetujui oleh kedua belah pihak.
1:15 petang 2:15 petang	6 Julai 2023	Bertolak ke rumah beliau di Kampung Tok Lebir, Ketereh, Kelantan.	
		Pertemuan bersama tokoh.	Sebelum sesi temu bual bermula, surat perjanjian lisan dan set soalan temu bual

			disedarkan kepada tokoh. Sesi temu bual berjalan dengan lancar dan segala maklumat diperolehi dengan sangat baik.
3:30 petang		Sesi temubual bermula dan tamat pada pukul 3:30 petang.	
10:00 pagi	8 Julai 2023	Memulakan proses <i>transcribe</i> suara tokoh yang dirakam untuk pendokumentasian.	Merujuk kepada format yang telah ditetapkan oleh pensyarah.
3:00 petang	17 Julai 2023	Proses <i>transcribe</i> berjaya disiapkan.	Memeriksa kembali format dan juga ejaan pada <i>transcribe</i> .
9:00 pagi	18 Julai 2023	Proses menulis artikel bermula.	Membuat sebuah artikel mengenai tokoh kami.
9:00 pagi	24 Julai 2023	Artikel berjaya disiapkan.	Membuat penilaian dan memeriksa kembali kuantiti artikel kami.
11:00 pagi	29 Julai 2023	Proses penghantaran transkrip lengkap kepada pensyarah.	Membuat penghantaran transkrip lengkap melalui Google Classroom.
10:00 pagi			

	11 Ogos 2023	Proses melakukan laporan <i>hardcopy</i> bermula.	Menghantar <i>softcopy</i> ke kedai untuk dibuat <i>hardcopy</i> .
4:00 petang	15 Ogos 2023	Mengambil transkrip yang telah siap di kedai buku.	Membayar sejumlah harga untuk <i>hardcover</i> .
9:00 pagi	25 Ogos 2023	Menghantar transkrip lengkap kepada pensyarah.	

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

PENGENALAN:

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pelukis batik. Bersama-sama kami ialah Encik Suhaimi Bin Yaacob yang merupakan pelukis batik. Rakaman ini dijalankan pada 6 Julai 2023 secara bersemuka di rumah beliau, iaitu di Ketereh, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Adriel Darwish Bin Zainudean dan Nurul Ain Izati Binti Adnan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

1. Pertama sekali bolehkah encik beritahu serba sedikit tentang latar belakang dimulakan dengan nama penuh encik?
2. Okay baiklah. Adakah encik mempunyai nama panggilan lain?
3. Okay, boleh kami tahu bilakah tarikh lahir encik?
4. Encik berasal dari mana?
5. Sekarang encik menetap di mana?
6. Berapakah umur encik sekarang?
7. Beralih ke soalan seterusnya, kami ingin mengetahui serba sedikit tentang latar belakang seperti nama ibu dan ayah encik?
8. Encik mempunyai berapa bilangan adik beradik dan encik anak yang ke berapa?
9. Okay baiklah. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang keluarga encik? Maksud saya isteri dan anak-anak encik? Siapakah nama isteri encik?
10. Apakah pekerjaan isteri encik?
11. Encik mempunyai berapa orang cahaya mata?
12. Bagaimanakah encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?
13. Apakah aktiviti yang encik gemar lakukan pada waktu lapang?
14. Siapakah idola bagi encik?

15. Apakah cita-cita encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

1. Baiklah encik. Kita beralih ke sejarah pendidikan iaitu beralih ke soalan yang seterusnya mengenai tentang sejarah pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi encik. Boleh kami tahu dimanakah encik bersekolah menengah?
2. Pada tahun berapakah encik bersekolah menengah?
3. Dalam bidang akademik, apakah subjek yang paling digemari ketika di sekolah menengah?
4. Bagaimana pula dengan subjek yang encik tidak gemari?
5. Apakah pencapaian tertinggi dan terbaik pernah encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?
6. Semasa zaman persekolahan, adakah encik aktif bersukan dan berpesatuan?
7. Apakah pengalaman manis sepanjang persekolahan?
8. Apakah pengalaman atau memori yang pahit encik tidak dapat dilupakan ketika di alam persekolahan?
9. Pada zaman persekolahan mesti ada encik mempunyai teman rapat, adakah sampai sekarang encik masih rapat dengan beliau?
10. Adakah encik menyambung ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?

BAHAGIAN C: SEJARAH/ PENGALAMAN

1. Apakah batik menurut pandangan encik?
2. Dari manakah asalnya batik ini?
3. Bagaimanakah batik ini mula diterima secara meluas di Malaysia ini? – mengikut tahun

4. Berapakah jenis batik yang terdapat di Malaysia ini dan berapakah jumlah setakat yang encik ketahui?
5. Apakah perbezaan batik Malaysia dengan batik negara lain?
6. Adakah batik ini dihasilkan sendiri atau mengikut citarasa pengguna?
7. Apakah ilmu yang perlu ada dalam menghasilkan batik?
8. Boleh saya tahu bilakah encik menceburkan diri dalam seni batik ini?
9. Siapakah yang memperkenalkan seni batik kepada encik?
10. Adakah ketika itu encik mempunyai persaingan dalam batik?
11. Adakah peralatan yang digunakan bagi proses batik mudah didapati dimana-mana?
12. Bagaimana pula dengan kos perbelanjaan encik mengikut kesesuaian bahan bagi batik
13. Apakah perkembangan batik yang encik boleh ceritakan bermula dari awal penglibatan dalam bidang ini sehingga sekarang?

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

1. Apakah kerjaya yang dilakukan selepas encik tamat belajar?
2. Bagaimana encik boleh melibatkan diri dengan pekerjaan tersebut?
3. Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu?
4. Apakah kejayaan yang telah dicapai sepanjang encik bekerja?
5. Apakah pengalaman manis semasa bekerja?
6. Sebelum membuat keputusan untuk bergiat dalam dunia pembuatan batik, kerja apa yang encik buat?
7. Sudah berapa lamakah encik bergiat aktif dalam seni batik?
8. Dimanakah encik belajar seni lukis batik?
9. Kenapa encik tergerak hati mahu belajar menghasilkan batik?

10. Dengan siapakah encik mula-mula belajar menghasilkan batik?
11. Apa yang encik pelajari dahulu sewaktu menuntut ilmu dengan guru encik?
12. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk encik betul-betul mahir di dalam penghasilan batik?
13. Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam seni lukis batik?
14. Boleh kami tahu, siapa yang memberi sokongan yang penuh kepada encik dalam menceburi bidang batik ini?
15. Bagaimana encik menguruskan masa kerjaya awal, dalam masa yang sama mempelajari ilmu batik?
16. Adakah anak-anak encik menceburi bidang batik ini?
17. Adakah encik rasa puas dengan apa yang encik lakukan sekarang ini?
18. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang seni pembuatan batik iaitu bagaimana proses pembuatan batik bermula?
19. Apakah peralatan penting yang digunakan dalam proses pembuatan batik?
20. Pada pandangan encik, apa yang menentukan batik yang telah siap itu berkualiti tinggi? Adakah bahan sahaja?
21. Adakah proses membuat batik itu sangat merumitkan?
22. Adakah encik ada pembantu yang menolong encik semasa proses penghasilan batik?
23. Bagi encik, apakah jenis batik yang paling encik gemari?
24. Corak batik apa yang encik paling gemari?
25. Bagaimanakah encik tentukan motif apa yang sesuai untuk dibuat atas kain batik?
26. Adakah proses untuk menghasilkan corak atas kain batik itu senang?
27. Bagaimana pula dengan tempoh masa untuk menyiapkan batik tersebut? Adakah masa yang diambil itu lama?
28. Berapa banyak permintaan yang encik sudah siapkan?

29. Berapa banyak encik caj untuk setiap pembuatan batik?
30. Adakah encik mempunyai pelanggan atau pembeli tetap untuk batik ini?
31. Kebiasaanmu, kemanakah encik akan menghantar kain batik yang telah siap dilukis?
32. Berapakah harga batik di pasaran sekarang?
33. Apakah hasil kraftangan batik yang encik paling bangga?
34. Bagaimana pula dengan pengalaman manis? Pernahkah encik menghasilkan batik untuk dipersembahkan kepada kerabat diraja atau tokoh lain?
35. Sepanjang menghasilkan batik, apakah cabaran yang encik hadapi sepanjang masa?
36. Adakah encik mempunyai anak murid yang akan mewarisi seni pembuatan batik daripada encik?
37. Sepanjang encik menghasilkan batik ini, apa yang membuatkan encik bersemangat untuk meneruskan dalam bidang ini?
38. Setelah encik menceburi bidang ini, adakah encik pernah terfikir hendak beralih bidang ke bidang yang lain?
39. Andai kata encik bukan seorang penggiat seni kraftangan batik, apa yang encik akan lakukan sekarang?
40. Sepanjang bergiat aktif dalam pembuatan batik, ada tak penyesalan yang encik rasa?

BAHAGIAN E: SUMBANGAN

1. Apakah sumbangan paling terbaik yang paling diingati encik sendiri?
2. Apakah sumbangan encik pada masyarakat?
3. Pada pendapat encik, apakah pandangan masyarakat sekarang mengenai batik? Encik rasa masyarakat sekarang masih ingin tahu tentang batik atau pun sudah tidak berminat?

4. Encik mempunyai minat dalam batik, pernahkah encik menyertai apa-apa pertandingan dalam menghasilkan batik?
5. Sepanjang mencebur i bidang batik ini, apakah pencapaian atau anugerah yang diperolehi oleh encik?
6. Berapakah anugerah yang pernah diterima oleh encik?
7. Apakah sumbangan yang telah encik berikan kepada industri warisan terutamanya dalam batik?
8. Adakah encik mempunyai sumbangan lain dengan menurunkan ilmu kepada beberapa orang yang meminati dalam batik?
9. Pada pandangan encik, adakah masyarakat sekarang kurang menghargai seni batik?
10. Apakah cabaran yang paling terbesar dalam bidang ini dan bagaimana encik mengatasi segala cabaran tersebut?
11. Adakah pencapaian yang encik nyatakan tadi telah mengubah hidup encik sebagai seorang pengusaha batik?

BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT

Sekarang kita sudah sampai ke penghujung temu bual kita pada hari ini. Terima kasih encik atas kesudian encik meluangkan masa bersama kami. Sebelum kita mengakhiri masa kita bersama, saya ada beberapa soalan terakhir sekiranya encik masih lagi sudi menjawab.

1. Sebagai pelukis batik, apakah nasihat yang encik boleh berikan tentang seni batik yang semakin ditelan zaman?
2. Apakah harapan terbaik encik terhadap generasi muda mengenai seni batik ini?
3. Bagaimana keadaan encik pada waktu-waktu pandemik? Adakah encik masih dapat berkarya?
4. Pada pendapat encik, adakah seni ini akan hilang begitu sahaja tanpa pewaris muda?
5. Apakah pesanan encik kepada generasi muda sekarang?

6. Beberapa nasihat daripada encik kepada yang baru berminat untuk berkecimpung dalam bidang ini?
7. Apakah harapan yang encik belum tercapai?
8. Apakah kenangan manis encik dalam batik ini yang encik akan ingat sampai bila-bila ketika menghasilkan batik?
9. Apakah encik sendiri lebih gemar memakai kain batik sarung atau kain pelekat untuk pakaian harian?
10. Berdasarkan pandangan encik kepada generasi sekarang, encik rasa adakah batik ini akan kekal relevan dalam masyarakat dalam masa sepuluh tahun yang akan datang?
11. Apakah harapan encik terhadap kerajaan Malaysia dalam membantu pengusaha-pengusaha batik untuk lebih berkembang atau pun lebih dikenali di Malaysia?
12. Apakah perancangan encik pada masa depan dalam usaha mengembangkan industri batik dengan lebih pesat?

PENUTUP

Dengan ini berakhir sudah temu bual kita bersama pelukis batik iaitu Encik Suhaimi Bin Yaacob pada hari ini. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada encik atas keluangan masa yang encik sudi berikan kepada kami dalam menyempurnakan wawancara ini. Diharapkan perkongsian encik tentang seni batik dapat memberikan manfaat yang sememangnya bermakna kepada masyarakat kita, terutamanya kepada generasi muda pada masa kini. Sekian, terima kasih.

SURAT

PERJANJIAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya SUHAIMI BINTI YAACOB K/P: paab
..... 6/7/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee)
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

.....
.....
(Nama tokoh) SUHAIMI B. YAACOB (Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
Tarikh: 6/7/23 b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR





Figure 1: Hasil batik lukis yang dihasilkan oleh beliau



Figure 2: Sesi bergambar bersama Encik Suhaimi Bin Yaacob di Kampung Tok Lebir, Ketereh